

SIARAN MEDIA

KARTEL RO-RO LANGKAWI DIDENDA RM2.2 JUTA

KUALA LUMPUR, 4 JANUARI 2022 – Tiga pengendali Ro-Ro utama di Langkawi telah didenda oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“MyCC”) kerana membentuk kartel penetapan harga berhubung kenaikan tambang pengangkutan kenderaan melalui kapal Ro-Ro di antara Langkawi dan Kuala Perlis dan sebaliknya. Selain dari tiga pengendali itu, dua lagi perusahaan berkaitan telah dipertanggungjawabkan atas pelanggaran yang sama.

Pada tahun 2019, terdapat beberapa aduan diterima daripada orang awam berikutan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan di Langkawi. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (“KPDNHEP”) kemudiannya telah menjalankan suatu penyelidikan dan mendapati punca kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di Langkawi adalah disebabkan oleh kenaikan tambang kenderaan komersial yang menggunakan kapal Ro-Ro antara Langkawi dan Kuala Perlis dan sebaliknya. Selain itu, terdapat persamaan harga tambang yang dikenakan oleh pengusaha-pengusaha Ro-Ro berkenaan. Berikutan itu, Menteri KPDNHEP telah mengarahkan MyCC untuk menyiasat perkara tersebut.

Hasil siasatan MyCC mendapati bahawa tiga pengendali Ro-Ro utama bersama dua perusahaan lain telah terlibat dalam perbincangan tertutup untuk menaikkan dan menetapkan tambang bagi kenderaan komersial serta kenderaan persendirian yang menggunakan kapal Ro-Ro milik kesemua perusahaan tersebut. Tindakan tersebut telah membawa kepada pembentukan kartel penetapan harga melalui dua Memorandum Persefahaman (“MOU”) bermula dari tahun 2018 hingga 2019.

Pada 14 September 2020, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan kepada lima perusahaan tersebut. Seterusnya, kesemua perusahaan tersebut telah membuat representasi kepada MyCC di antara bulan Disember 2020 dan April 2021. Selepas mempertimbangkan semua bukti termasuk representasi mereka yang terlibat, MyCC

telah mendapati bahawa kelima-lima perusahaan tersebut telah melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010:

PENGUSAHA RO-RO LANGKAWI	PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BERKAITAN
Langkawi Auto Express Sdn. Bhd. (“LAE”)	Dibuk Sdn. Bhd. (“Dibuk”)
Langkawi Ro-Ro Ferry Services Sdn. Bhd. (“LRFS”)	Langkawi Ferry Services Sdn. Bhd. (“LFS”)
Dibuk Cargo Services Sdn. Bhd. (“DCS”)	

Bagi pelanggaran tersebut, LAE telah didenda sebanyak RM1,130,876.87. Pada masa yang sama, Dibuk dan LFS juga didapati bertanggungjawab bagi pelanggaran tersebut dan telah didenda kerana kedua-dua perusahaan tersebut memiliki LAE melalui satu usahasama. Manakala, DCS telah didenda sebanyak RM250,172.25 dan MyCC mendapati Dibuk turut bertanggungjawab ke atas pelanggaran itu kerana kedua-dua perusahaan tersebut mempunyai pengarah dan pemegang saham yang sama. Selain itu, LRFS telah didenda sebanyak RM810,531.29.

Kos sara hidup di Langkawi telah meningkat dalam beberapa aspek berikutan aktiviti kartel ini lama sebelum bermulanya pandemik. Daripada laporan KPNDHEP yang diperolehi oleh MyCC, kenaikan tersebut jelas menunjukkan bahawa kenaikan harga barang yang datang dari semenanjung adalah ketara selepas termeterainya MOU untuk tahun 2019. Kenaikan kadar tambang akibat kartel adalah seperti berikut:

	KADAR TAMBANG BARU YANG DIPERKENALKAN MELALUI –	
	Kartel melalui MOU 2018	Kartel melalui MOU 2019
Kenderaan Komersial	RM492 – RM1132	RM540 – RM1244
Kenderaan Persendirian	RM302 – RM492	RM332 – RM534

Berdasarkan kes ini, jelas ternyata bahawa gangguan persaingan oleh kartel dalam ekosistem rantai bekalan boleh menyebabkan kenaikan harga sekali gus merampas hasil titik peluh rakyat, khususnya, penduduk tempatan Langkawi dan pelancong di Langkawi.

“MyCC tidak akan bertoleransi dengan aktiviti kartel kerana ianya adalah pelanggaran yang amat serius di dalam undang-undang persaingan. Kami tidak akan melepaskan mana-mana pihak yang didapati terlibat dengan kartel. Perlakuan sabotaj ekonomi ini sudah pasti akan memburukkan lagi keadaan rakyat yang terjejas jika ianya berterusan. Kami berharap perusahaan-perusahaan yang terlibat serta perusahaan-perusahaan lain di luar sana mengambil iktibar daripada kes ini” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

Dalam keputusan tersebut, MyCC juga mengarahkan kesemua perusahaan tersebut untuk menghentikan dengan serta merta dan menahan dari terlibat dalam kartel penetapan harga yang boleh mengganggu persaingan dalam pasaran di masa hadapan. Selanjutnya, MyCC mengarahkan perusahaan-perusahaan tersebut untuk menentukan caj secara berasingan di masa hadapan. Memandangkan keadaan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19, MyCC telah bersetuju untuk memberikan pengurangan daripada jumlah awal penalti kewangan. Pada masa yang sama, mereka diberi tempoh moratorium selama 6 bulan dari tarikh keputusan untuk membayar denda tersebut. Seterusnya, kelima-lima perusahaan tersebut dibenarkan untuk membayar penalti secara ansuran bagi tempoh sehingga 6 bulan.

Keputusan itu telah dikeluarkan kepada perusahaan-perusahaan tersebut pada 29 Disember 2021 dan akan dimuat naik di laman sesawang rasmi MyCC melalui www.mycc.gov.my. Orang awam dinasihatkan untuk membaca keseluruhan keputusan MyCC untuk mendapatkan keterangan lengkap tentang kes ini.

-Tamat-

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Pengarah Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 268 7030

Emel: azila@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, Suruhanjaya Persaingan Malaysia ialah satu badan bebas yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini diguna pakai kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkukuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my

LAMPIRAN A

Nota kepada Editor: Maklumat mengenai Seksyen 4 Akta Persaingan 2010

Seksyen 4: Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang

Seksyen 4 (1) – Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (2) – Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk-

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
- (b) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;
- (c) membataskan atau mengawal –
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan; atau
- (d) melakukan tipuan bidaan

disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.


Seksyen 4 (3) – Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggung bagi pelanggaran larangan itu.

PENGANGKUTAN KENDERAAN KE LANGKAWI

Jeti Kuala Perlis (melalui kapal Ro-Ro)

KESAN

Aduan daripada orang awam mengenai kenaikan harga perkhidmatan dan barangan di Langkawi




Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ("KPDNHEP") mendapati peningkatan harga **berpunca daripada** kenaikan kadar tambang bagi kenderaan komersial yang menggunakan kapal Ro-Ro diantara Langkawi dan Kuala Perlis

Kementerian mengarahkan MyCC untuk menyiasat **persamaan** harga tambang Ro-Ro



PUNCA

MyCC telah menyiasat 3 pengendali utama Ro-Ro di Langkawi



Mendapati 5 perusahaan telah membentuk **Kartel** yang menaikkan harga tambang kenderaan termasuk kenderaan komersial dan kenderaan persendirian




Pemilik-pemilik dan kakitangan syarikat telah terlibat dalam **perbincangan** untuk membentuk

KARTEL



Mereka memuktamadkan **Kartel** tersebut melalui 2 Memorandum Persefahaman (MOU)



TINDAKAN



Terhadap:-

1. *Langkawi Ro-Ro Ferry Services Sdn Bhd* (Pengendali Ro-Ro)
2. *Langkawi Auto Express Sdn Bhd* (Pengendali Ro-Ro)
3. *Dibuk Cargo Services Sdn Bhd* (Pengendali Ro-Ro)
4. *Dibuk Sdn Bhd* (Perusahaan Terlibat)
5. *Langkawi Ferry Services Sdn Bhd* (Perusahaan Terlibat)



DENDA RM 2.2 JUTA

kerana telah melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 melalui kartel penetapan harga